

**Perdana Menteri China Li Keqiang diberi sambutan rasmi  
Malaysian Insider  
Nov 23, 2015**

Perdana Menteri China Li Keqiang, yang mengunjungi Malaysia untuk lawatan sulungnya ke negara ini sejak dilantik menyandang jawatan itu pada 2013, diberi sambutan rasmi di Dataran Perdana hari ini.

Ketibaan Li, yang dalam lawatan 3 hari sempena Sidang Kemuncak Asean Ke-27 dan Sidang-Sidang Berkaitan, disambut Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak sebelum lagu kebangsaan Malaysia dan China dimainkan.

Li, yang diiringi isteri Cheng Hong, kemudian memeriksa perbarisan kehormatan terdiri daripada 106 pegawai dan anggota Batalion Pertama Rejimen Askar Melayu Diraja sebelum memulakan mesyuarat 2 hala dengan Najib.

Turut hadir Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Dr Ali Hamsa dan menteri kabinet.

Kedua pemimpin dijangka membincangkan tentang kemajuan Perkongsian Komprehensif Strategik Malaysia-China dan usaha untuk meningkatkan bidang kerjasama bagi manfaat kedua negara.

Selain itu, kedua-dua pemimpin dijangka bertukar pendapat mengenai isu serantau dan global demi kepentingan bersama China-Malaysia.

China kekal sebagai rakan perdagangan terbesar Malaysia selama 7 tahun berturut dengan jumlah perdagangan 2 hala mencecah AS\$100 juta selama 2 tahun berturut.

Pada 2014, jumlah perdagangan antara negara mencatat AS\$102 bilion. – Bernama, 23 November, 2015.

Copyright © 2015 Edge Insider Sdn Bhd

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/perdana-menteri-china-li-keqiang-diberi-sambutan-rasmi>